



KENYATAAN AKHBAR

Penyebaran Artikel Jangkaan Berlaku Gempa Bumi dan Tsunami Pada 22 Julai 2009

Satu artikel mengenai jangkaan akan berlaku gempa bumi dan tsunami pada 22 Julai 2009 telah tersebar luas di dalam laman *web*. Gempa bumi ini telah dikaitkan dengan kejadian gerhana matahari yang akan berlaku pada tarikh tersebut.

Berdasarkan rekod kejadian gempa bumi terdahulu, didapati tiada hubung kait kejadian gempa bumi dan gerhana matahari. Sebagai contoh, semasa kejadian gerhana matahari pada 1hb. Ogos 2008, tiada gempa bumi yang direkodkan berlaku. Oleh itu, kesahihan andaian penulis artikel tersebut adalah diragui.

Orang awam dinasihatkan mendapatkan maklumat kejadian gempa bumi dan tsunami melalui Jabatan Meteorologi Malaysia yang memantau sepanjang masa.

Jabatan Meteorologi Malaysia

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

5.30 petang

08 April 2009